

Anak ikan kelah merah laris di China

UM 29/10/2024 pg 34

Oleh **NOOR HAYATI MAMAT**
utusannews@mediamulia.com.my

HULU TERENGGANU: Seorang pekebun kelapa sawit di Kampung Betong dekat sini membekalkan 100,000 ekor anak ikan kelah merah ke negara China setiap tahun.

Azmi Hamid Chua, 45, berkata, setiap tempahan anak ikan tersebut diterima antara 10,000 hingga 15,000 ekor dari China, selain memenuhi pasaran tempatan.

Menurutnya, anak ikan yang dijual itu bersaiz lima sehingga 10 sentimeter yang dijual pada harga RM3 hingga RM12 seekor.

Katanya, hasil jualan anak ikan kelah merah mencecah antara RM100,000 hingga

RM200,000 setahun, namun belum ditolak pelbagai kos yang perlu ditanggung bagi membesarkan anak ikan berkenaan.

“Saya bermula dengan minat dan tidak ada ilmu dalam bidang ini. Sebelum dijadikan sebagai perniagaan, saya berguru dengan rakan-rakan yang berkemahiran sehinggalah dapat lakukan kerja ini.

“Bekalan anak-anak ikan kelah ini diperolehi daripada penduduk setempat. Biasanya mereka akan tangkap di sekitar sungai di sini selepas musim banjir atau tengkujuh kerana tempoh itu ia mudah diperolehi.

“Saya membeli anak ikan kelah pelbagai saiz dan kemudian akan menggredkan-

nya sebelum dijual di pasaran tempatan dan China yang ramai mahu beli,” katanya ketika ditemui di Kampung Betong di sini.

Azmi yang menceburi perniagaan tersebut sejak tujuh tahun lalu memberitahu, urusan jualan anak ikan ke China dilakukan oleh anak sulung, Hafiz Ikwana, 21, yang boleh berbahasa Cina kerana dia pernah bersekolah di sekolah jenis kebangsaan Cina sebelum ini.

“Kemahiran itu jadi kelebihan sehingga mampu luaskan lagi pasaran ke luar negara. Saya sendiri ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, untuk menghantar anak-anak ikan yang ditempah pembeli,” ujarnya.



AZMI Hamid Chua menunjukkan anak ikan kelah merah yang bakal dihantar ke China di rumahnya di Kampung Betong, Hulu Terengganu, semalam. - **UTUSAN/NOOR HAYATI MAMAT**